



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2018

Pejabat Pendaftar

Tarikh : 9 Januari 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua-Ketua PTj

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 2 (20)

9 JANUARI 2018

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2018

PENUBUHAN TABUNG ENDOWMEN KESIHATAN UNIMAS

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berhubung kelulusan penubuhan Tabung Endowmen Kesihatan UNIMAS melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak Bilangan 4 Tahun 2017 ke-81 pada 14 Disember 2017.

1. Pelaksanaan tabung berkenaan akan membantu mengurangkan kadar kebergantungan kos rawatan staf menggunakan dana Universiti dan membantu staf yang memerlukan rawatan perubatan mendapat faedah rawatan yang lebih baik.
2. Tabung Endowmen Kesihatan adalah berbeza daripada Tabung Kebajikan Staf sedia ada yang mana setiap staf menyumbang RM1.00 sebulan melalui potongan gaji. Tabung Kebajikan Staf akan digunakan bagi tujuan khairat kematian, anugerah kecemerlangan pendidikan dan musibah. Manakala Tabung Endowmen Kesihatan akan digunakan untuk menampung kos rawatan perubatan yang melebihi kelayakan di bawah Skim Perubatan Pegawai Universiti.
3. Kaedah pelaksanaan Tabung Endowmen Kesihatan adalah seperti berikut:

a. **Kadar Sumbangan Bulanan**

- (i) Sumbangan **minimum** sebanyak RM5.00/orang sebulan untuk staf Kumpulan Pelaksana dan RM10.00/orang sebulan untuk staf Kumpulan P&P. Walau bagaimanapun, staf digalakkan untuk menyumbang lebih daripada kadar **minimum** yang dicadangkan tersebut atas dasar keikhlasan. Namun begitu, faedah yang akan diterima oleh staf adalah sama tanpa mengira jumlah sumbangan yang diberikan;
- (ii) Universiti akan menyumbang jumlah yang sama dengan jumlah keseluruhan sumbangan setahun (*matching grant*).

b. **Kaedah Sumbangan**

- (i) Sumbangan akan dibuat melalui kaedah potongan gaji bulanan bagi memudah dan melancarkan urusan kutipan, semakan, rekod dan pelaporan;
- (ii) Semua staf bertaraf tetap dan staf yang dilantik di bawah Skim Perkhidmatan Pesara Akademik / Bukan Akademik dikehendaki mengisi Borang Sumbangan Tabung Endowmen Kesihatan UNIMAS (**LAMPIRAN A**) dan menyatakan opsyen sama ada bersetuju atau tidak bersetuju membuat sumbangan kepada tabung berkenaan;
- (iii) Staf **kontrak Bukan Warganegara tidak layak** menyumbang untuk tabung tersebut;
- (iv) Maklumat opsyen yang lengkap akan disimpan di Pejabat Pendaftar sebagai rujukan sekiranya ada permohonan menggunakan tabung berkenaan (hanya staf yang menyumbang sahaja layak menggunakan kemudahan tabung tersebut).

c. **Opsyen Menyumbang**

- (i) Staf adalah digalakkan untuk menyertai skim Tabung Endowmen Kesihatan tersebut, namun diberi **opsyen** untuk berbuat demikian;
- (ii) Staf yang tidak menyumbang adalah **tidak layak** untuk menerima faedah tabung berkenaan.

d. **Faedah Tabung Endowmen Kesihatan**

- (i) Staf yang menyumbang kepada Tabung Endowmen Kesihatan akan menerima faedah tabung tersebut untuk **diri sendiri dan keluarga sahaja**. Dalam hal ini, keluarga staf bermakna staf itu sendiri, isteri / suami dan anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh staf yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun. Walau bagaimanapun, bagi anak-anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur berkenaan tidak terpakai;
- (ii) Faedah untuk Tabung Endowmen Kesihatan adalah **tidak termasuk untuk ibu bapa staf**;
- (iii) Staf yang **telah bersara** tetapi masih berkhidmat secara kontrak di UNIMAS digalakkan menyumbang untuk Tabung Endowmen Kesihatan dan layak menerima faedah yang sama seperti staf lain.

e. **Had Siling Penggunaan Tabung Endowmen Kesihatan**

- (i) Pendaftar boleh meluluskan penggunaan Tabung Endowmen Kesihatan untuk had siling rawatan **tidak melebihi RM5,000.00 / rawatan sahaja**;
- (ii) Penggunaan melebihi kadar berkenaan perlu dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti untuk kelulusan;
- (iii) Kos sesuatu rawatan perubatan mestilah mendapat **pengesahan** daripada Doktor Perubatan yang berdaftar dengan Kerajaan Malaysia;
- (iv) Had siling kos perubatan yang dihadkan untuk **satu keluarga** pada permulaan perlaksanaan adalah sebanyak **RM50,000.00** dan had tersebut akan dikaji semula pada tahun berikutnya tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa dana berkenaan.

f. **Keutamaan Penggunaan Faedah Tabung**

- (i) Staf yang menyumbang untuk Tabung Endowmen akan diberi **pertimbangan sama rata** (*fair consideration*) dalam menggunakan faedah tabung berkenaan sekiranya diperlukan;
- (ii) Keutamaan akan diberikan berdasarkan **keperluan rawatan kritikal dan segera**, tanpa mengira jumlah sumbangan seseorang staf ataupun jawatan staf tersebut.

g. **Proses Permohonan Tabung Endowmen Kesihatan**

Permohonan untuk menggunakan Tabung Endowmen Kesihatan perlu dikemukakan kepada Pendaftar, melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan laporan Doktor, kos rawatan perubatan yang telah disahkan oleh Doktor Kerajaan, salinan kad pengenalan staf / keluarga dan lain-lain dokumen berkaitan untuk pertimbangan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN B**. Proses permohonan boleh dirujuk di **LAMPIRAN C**.

4. Staf yang berminat untuk menyumbang kepada Tabung Endowmen Kesihatan boleh berbuat demikian dengan melengkapkan borang permohonan di **LAMPIRAN A** yang disertakan bersama pekeliling ini dan mengemukakan borang yang lengkap kepada Bahagian Pentadbiran Am **selewat-lewatnya pada 19 Januari 2018 (Jumaat)** untuk tindakan selanjutnya.
5. Tabung Endowmen Kesihatan UNIMAS akan dilaksanakan mulai **bulan Januari 2018**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

MERENTASI DAN MELANGKAUI 25 TAHUN

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "HENRY TENING SENGENG".

HENRY TENING SENGENG
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak



**BAHAGIAN PENTADBIRAN AM
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia
Tel : 082 - 581118 / 1905 Faks : 082 - 581116

BORANG SUMBANGAN TABUNG ENDOWMEN KESIHATAN UNIMAS

SAYA INGIN MEMBERI SUMBANGAN UNTUK TABUNG ENDOWMEN KESIHATAN UNIMAS :

Sila tanda (✓) pada pilihan berikut.

SETUJU

TIDAK SETUJU

BUTIRAN PENYUMBANG :

Nama : _____
Jawatan : _____ PTJ : _____
No. KP : _____ No. Staf UNIMAS : _____
Emel : _____ No. Tel/HP: _____
Alamat : _____
Tandatangan : _____

MAKLUMAT POTONGAN GAJI

Saya bersetuju agar gaji saya berjumlah _____ dipotong untuk sumbangan ke Tabung Endowmen Kesihatan UNIMAS mulai bulan _____.

Nota Penting :

Jumlah potongan minimum bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional adalah RM10.00 manakala Kumpulan Pelaksana adalah RM5.00.
(Sila isi sekiranya anda bersetuju. Permohonan untuk tambahan jumlah potongan adalah seikhlas hati dan hendaklah dikemukakan sebelum proses tie-up gaji bulan berikutnya.)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

BAHAGIAN PENTADBIRAN AM	PEJABAT BENDAHARI (UNIT GAJI & HASIL)
TARIKH TERIMA : _____	TARIKH MULA POTONGAN GAJI : _____
TANDATANGAN & COP : _____	TARIKH : _____



**BAHAGIAN PENTADBIRAN AM
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia
Tel : 082 - 581118/1905 Faks : 082 - 581116

BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN TABUNG ENDOWMEN KESIHATAN UNIMAS

SAYA INGIN MEMOHON PENGGUNAAN TABUNG ENDOWMEN KESIHATAN UNIMAS :

BUTIRAN PEMOHON :

Nama	:		
Jawatan	:	PTJ :	
No. KP	:	No. Staf UNIMAS :	
Emel	:	No. Tel/HP:	
Alamat	:		
	:		
Tandatangan	:		

MAKLUMAT PERMOHONAN

Saya ingin memohon untuk menggunakan dana berjumlah _____ dari Tabung Endowmen Kesihatan UNIMAS untuk tujuan _____.

Nota Penting :

Permohonan dana berjumlah <RM5,000 adalah tertakluk kepada kelulusan Pendaftar manakala >RM5,000 adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Eksekutif UNIMAS. Sila lampirkan dokumen sokongan berikut untuk tindakan selanjutnya:

- i. Laporan Doktor Perubatan
- ii. Kos rawatan perubatan
- iii. Salinan kad pengenalan staf
- iv. Salinan kad pengenalan suami/isteri/anak yang memerlukan rawatan
- v. Lain-lain dokumen yang dapat menyokong permohonan pegawai

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

BAHAGIAN PENTADBIRAN AM	PEJABAT BENDAHARI (UNIT GAJI & HASIL)
TARIKH TERIMA :	TARIKH DANA DIKREDIT :
TANDATANGAN & COP :	TARIKH :

Lampiran C

Carta Alir Permohonan Penggunaan Tabung Endowmen Kesihatan

